

Berkat usaha keras, aktif dalam aktiviti kokurikulum

Batu Pahat: Berkat usaha keras serta aktif dalam aktiviti kokurikulum di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, membolehkan Setiausaha Jawatankuasa Kolej Kediaman Tun Fatimah UTHM, Pazlina Mohd Rabai, 22, dianugerahi Mahasiswa Gemilang UTHM kelmarin.

Pada majlis Anugerah Pelajar 2012 (MAP12) itu, L Rineshwaran, 24, pula dianugerahi Mahasiswa Gemilang manakala 12 mahasiswa lain menerima anugerah bagi kategori masing-masing.

Pazlina yang juga penuntut kejuruteraan awam berkata,

pada mulanya dia menyertai jawatankuasa itu bagi memulihkan keyakinan diri serta membina hubungan dengan rakan.

“Sebelum bersama jawatankuasa berkenaan, saya kurang yakin terhadap kemampuan diri sendiri namun selepas mengikuti pelbagai program dianjurkan, saya berasa lebih berkeyakinan.

“Selain itu, saya tidak lagi malu untuk mendekati rakan baru, perhubungan dengan orang lain juga bertambah baik,” katanya.

FAKTA
Pazlina dianugerahi
Mahasiswa Gemilang
UTHM

Anugerah disampaikan Ahli Lembaga Pengarah UTHM Datuk Seri Sufri Mohd Zin. Hadir sama Naib Canselor UTHM Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin.

Sementara itu, Rineshwaran berkata, anugerah itu menyuntik semangat baru untuknya terus aktif dalam ‘Student In Sree Enterprise’ (SISE).

“Saya menyertai SISE sebagai ahli namun kerana minat mendalam, kini saya adalah Presidennya.

“Dalam SISE, kami mendekati golongan memerlukan serta menyalurkan bantuan kepada mereka,” katanya yang juga pelajar tahun akhir kejuruteraan mekanikal.



PAZLINA menerima Anugerah Mahasiswa Gemilang UTHM, kelmarin.